

 <p>JABATAN PERDANA MENTERI JABATAN AUDIT NEGARA</p> <p><b>FAKTA AUDIT</b></p>	<p><b>JABATAN PERDANA MENTERI</b> <b>Institute of Strategic and International Studies (ISIS) Malaysia</b></p>
<p><b>Skop Pengauditan</b></p> <p>Pengauditan dijalankan terhadap aktiviti penyelidikan, persidangan dan pelaburan; lapan elemen amalan terbaik tadbir urus korporat; dan kedudukan kewangan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2023.</p> <p><b>Kenapa Perlu Diaudit</b></p> <p>ISIS Malaysia tidak pernah diaudit oleh Jabatan Audit Negara sejak ditubuhkan pada tahun 1983.</p> <p>ISIS Malaysia berperanan menyediakan input strategik serta rangka kerja berkaitan dasar kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa.</p> <p>Sejak penubuhannya pada tahun 1983 hingga 2023, ISIS Malaysia telah menerima dana Kerajaan berjumlah RM103.87 juta.</p> <p>Bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022, kelemahan dalam tadbir urus korporat ISIS Malaysia telah mempengaruhi hala tuju dan pengurusan aktiviti syarikat. Mulai Februari 2023, tadbir urus syarikat mula ditambah baik seiring dengan pertukaran pengurusan ISIS Malaysia yang baharu.</p>	<p><b>Rumusan Audit</b></p> <p>Objektif penubuhan ISIS Malaysia untuk menjalankan penyelidikan, menghasilkan laporan serta mengemukakan pandangan kepada Kerajaan dan umum berhubung dasar Kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa; serta pengajuran persidangan telah dicapai, amalan tadbir urus korporat adalah baik dan kedudukan kewangan adalah stabil.</p> <p><b>Penemuan Audit</b></p> <p>Petunjuk Prestasi Utama (KPI)</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pencapaian KPI tahun 2020 tidak dapat ditentukan kerana tidak direkodkan</li> <li>• Tidak mencapai sasaran pada tahun 2021 dan 2022</li> <li>• Semua sasaran dicapai pada tahun 2023</li> </ul> <p>Bilangan aktiviti penyelidikan menunjukkan trend penurunan iaitu 20% dan 65% masing-masing pada tahun 2022 dan 2023.</p> <p>Bilangan penghasilan idea dan pandangan berkaitan hal ehwal antarabangsa melalui penerbitan dan panel temu bual menunjukkan trend naik turun.</p> <p>Prosedur Operasi Standard (SOP) syarikat bagi pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan persidangan serta pelaburan tidak disediakan.</p> <p>Pengurusan dokumen/rekod yang lemah.</p> <p>2 daripada 8 elemen tadbir urus korporat tidak diamalkan sepenuhnya iaitu bagi Pengerusi dan SOP syarikat.</p> <p><b>Syar Audit</b></p> <p>Menambah bilangan aktiviti penyelidikan dan persidangan serta penerbitan yang boleh menjana pendapatan syarikat dengan membuat perancangan yang lebih terperinci dan memantau pelaksanaannya; dan</p> <p>SOP aktiviti penyelidikan dan pelaburan hendaklah disedia serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah.</p>